

Kenaikan gaji pekerja swasta dijangka rendah

Kemerosotan ekonomi global beri kesan kepada syarikat

Oleh Nurhasyima Hasim
nurhasyima@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Pekerja sektor swasta dijangka menerima kenaikan gaji yang rendah tahun depan berikutan kemerosotan ekonomi global.

Kaji selidik Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) bermula Jun lalu mendapati kira-kira 69 peratus daripada 202 syarikat responden menjangkakan kenaikan gaji jawatan eksekutif dan bukan eksekutif hampir sama dengan kadar dinikmati tahun ini.

Presiden MEF, Datuk Azman Shah Haron, berkata syarikat daripada pelbagai sektor mengambil langkah mengatur semula jangkaan kenaikan selepas mengambil kira faktor ekonomi global dengan menjangkakan purata kenaikan gaji 5.53 peratus bagi jawatan eksekutif dan

5.59 peratus bukan eksekutif.

“Purata kenaikan sebenar bagi jawatan eksekutif tahun ini adalah 6.09 peratus, lebih rendah daripada 2007, iaitu 6.25 peratus.

“Bagi jawatan bukan eksekutif, peratus kenaikan pada 2008 adalah 5.69 peratus iaitu lebih rendah daripada tahun sebelumnya 5.77 peratus.

“Sebelum kejatuhan ekonomi, syarikat meramalkan purata kenaikan gaji lebih tinggi tahun depan iaitu 5.78 peratus bagi eksekutif dan 5.85 peratus bagi bukan eksekutif.

“Secara umumnya, majikan masih perlu mengekalkan kakitangan dan berjimat dalam aspek lain bagi mengekalkan prestasi syarikat walaupun suasana ekonomi perlahan melainkan tiada pilihan lain,” katanya.

Beliau berkata demikian

pada sidang media mengenai Kaji Selidik Gaji oleh MEF Bagi Eksekutif dan Bukan Eksekutif 2008 di sini, semalam.

Azman Shah berkata, jangkakan kenaikan gaji tahun depan bagi kakitangan eksekutif dalam sektor perkilangan juga rendah, iaitu 5.50 peratus berbanding kenaikan sebenar pada 2008 iaitu 6.34 peratus sektor.

“Ramalan kenaikan gaji bagi eksekutif dalam sektor selain perkilangan lebih tinggi iaitu 5.56 peratus. Kenaikan sebenar tahun ini pula 5.84 peratus,” katanya.

Sementara itu, Azman Shah berkata, purata jumlah pengambilan cuti sakit membabitkan pesakit luar yang bekerja dalam pelbagai industri pada 2007 adalah 3.95 hari.

Jumlah itu diperoleh melalui kaji selidik Persekutuan Majikan Malaysia (MEF)

bagi Januari hingga Disember 2007 membabitkan 146 syarikat selepas mengambil kira jumlah keseluruhan 329,119 cuti sakit yang diambil 83,336 pekerja syarikat berkenaan.

Katanya, purata jumlah pengambilan cuti sakit pesakit luar oleh pekerja tempatan tinggi dan dikhuatiri akan menjejaskan produktiviti industri dan negara secara keseluruhan.

“Jumlah pengambilan cuti sakit di Malaysia sangat tinggi berbanding United Kingdom yang mencatatkan purata pengambilan cuti sakit pekerjaanya 0.92 hari setahun,” katanya.

Secara keseluruhan pengambilan cuti sakit oleh pekerja tempatan dianggarkan 19.18 juta hari setahun.

“Keadaan ini mungkin menjadi punca tahap produktiviti yang rendah di kalangan pekerja tempatan,” katanya.